



GARIS PANDUAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2026

1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan membantu pemohon untuk mengemukakan permohonan bagi menyertai Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS). Garis panduan ini menggariskan syarat-syarat pertandingan, kriteria-kriteria penilaian, proses pemilihan pemenang dan tata cara permohonan penyertaan AINS.

2. ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)

2.1 PENGENALAN

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (diperkenalkan mulai tahun 2010) dan Program Cabaran *My Innovation* (diperkenalkan pada tahun 2015) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu/ orang perseorangan/ penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor.

2.2 DEFINISI INOVASI

Inovasi adalah cetusan idea-idea kreatif dan inovatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan atau penggunaan sesuatu produk. Idea-idea tersebut boleh diperolehi daripada dalam dan luar atau proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau adaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan.

Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

2.3 TEMA AINS TAHUN 2026

“Kesejahteraan Negeri Selangor”

Tema ini dipilih bertepatan dengan keperluan mendesak untuk **menangani isu pembersihan awam dan jalan raya berlubang (*pothole*)** yang semakin mencabar serta memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor. Isu-isu ini perlu ditangani secara menyeluruh dan tuntas melalui pendekatan yang holistik melibatkan penggunaan teknologi terkini, sistem pengurusan yang cekap, penyediaan infrastruktur dan perkakasan yang efektif, serta pelaksanaan program pendidikan dan pembudayaan inovasi dalam kalangan masyarakat.

Penganjuran AINS 2026 diharap mampu menjadi platform terbaik dalam mencetuskan idea, penyelesaian inovatif dan amalan baharu yang mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan pembersihan awam dan teknologi baharu yang mampu menyelesaikan isu kerosakan jalan raya berlubang (*pothole*). Melalui usaha bersepadu daripada pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pendidikan, sektor swasta dan komuniti, tema ini diyakini mampu menyokong aspirasi pembangunan mampan demi kesejahteraan Negeri Selangor.

2.4 OBJEKTIF AINS

- i. Mengumpul maklumat produk / hasil inovasi daripada semua lapisan masyarakat di Negeri Selangor;
- ii. Mempromosi dan menonjolkan produk / hasil inovasi yang telah dihasilkan;
- iii. Memberikan pengiktirafan kepada produk / hasil inovasi terbaik sebagai galakan kepada masyarakat di Negeri Selangor mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti; dan
- iv. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam pekerjaan dan persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

2.5 KATEGORI PERTANDINGAN

Anugerah Inovasi Negeri Selangor dibahagikan kepada lima (5) kategori utama dan tiga (3) anugerah khas seperti berikut : -

- i. Kategori Sektor Awam.
- ii. Kategori Sektor Swasta.
- iii. Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT).
- iv. Kategori Sekolah.
- v. Kategori Akar Umbi.
- vi. Anugerah Khas Inovasi Digital Terbaik.
- vii. Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik.
- viii. Anugerah Khas Potensi Replikasi Terbaik.

2.6 JADUAL PENILAIAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2026

Mekanisme penilaian bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) melibatkan pengenalpastian produk/ hasil inovasi meliputi semua daerah di seluruh Negeri Selangor. Kesemua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan sebagai rakan strategik dan bertindak selaku Penyelaras AINS di kawasan pentadbiran masing-masing. Jadual penilaian dan kaedah penilaian adalah seperti berikut:

Bil	Penilaian	Kaedah dan Skop Penilaian	Pelaksanaan
i.	Penilaian 1	Penilaian ke atas dokumen dan video penerangan/ persembahan	Julai dan Ogos
ii.	Penilaian 2	Penilaian Secara Dalam Talian (pembentangan produk melalui <i>Video Conferencing</i>)	September
iii.	Penilaian 3	Penilaian Fizikal (penilaian akhir projek inovasi secara fizikal di Dewan Jubli Perak PSUK Selangor)	Oktober

2.7 SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

Syarat-syarat pertandingan adalah seperti berikut:

- i. Penyertaan ini terbuka kepada semua penduduk, jabatan/ agensi kerajaan, syarikat-syarikat swasta, sekolah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Negeri Selangor.
- ii. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berusia dalam lingkungan tiga (3) tahun (2024 – 2026) dan tidak pernah memasuki pertandingan AINS.
- iii. Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Namun begitu, hanya penyertaan terbaik sahaja yang akan dipilih sebagai pemenang. Bagi Kategori Sekolah, produk inovasi perlu dibentangkan dan dihasilkan oleh murid.
- iv. Setiap peserta perlu **melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian di Hab metaSEL** (<https://inovasi.selangor.gov.my>). Contoh borang yang akan dipaparkan seperti di **Lampiran A**.
- v. Selain daripada melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian, penyertaan juga perlu disertakan **dokumen laporan seperti format di Lampiran B** dan **video penerangan/persembahan projek seperti kriteria di Lampiran C**. Hanya **pautan (link)** bagi dokumen dan video penerangan/persembahan projek inovasi sahaja perlu dimuat naik di dalam Hab metaSEL.
- vi. Kos projek/ hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap peserta.
- vii. Penyertaan bagi semua kategori kecuali Akar Umbi perlu mendapatkan kelulusan dan pengesahan daripada Pengurusan Agensi (Ketua Jabatan/ Majikan/ Dekan/ Pengetua/ Guru Besar/ Pentadbiran Sekolah atau pihak-pihak yang berkaitan).
- viii. **Tiada sebarang yuran penyertaan dikenakan.**

ix. Peringkat dan proses penilaian adalah seperti berikut :-

a. **Penilaian 1**

Penilaian ke atas dokumen dan video persembahan bagi penyertaan AINS 2026 akan dilaksanakan melalui kaedah seperti berikut:

- i. Urus setia pertandingan akan memastikan semua produk inovasi adalah mengikut tema dan syarat-syarat pertandingan AINS 2026.
- ii. Semua penyertaan yang lengkap serta memenuhi syarat-syarat pertandingan akan dinilai oleh Panel Penilai yang dilantik. Panel tersebut akan menilai setiap produk inovasi yang dipertandingkan berdasarkan dokumen dan video penerangan di pautan yang telah dimasukkan di dalam borang penyertaan di Hab metaSEL.

b. **Penilaian 2**

Penilaian ini akan dilaksanakan kepada projek inovasi yang layak dan telah melepasi Penilaian 1. Kaedah pelaksanaan bagi Penilaian 2 adalah seperti berikut:

- i. Penilaian ini akan dilaksanakan secara dalam talian melalui sesi *video conferencing* menggunakan platform Microsoft Teams. Pada sesi *pitching* ini peserta perlu menerangkan secara tepat dan padat kelebihan produk inovasi yang dihasilkan memberi impak kepada golongan sasaran. Setiap peserta akan diberikan masa selama **5 minit** untuk melaksanakan sesi persembahan/ demonstrasi produk.
- ii. Peserta perlu bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan.

c. Penilaian 3 (Penilaian Akhir)

Penilaian ini akan dilaksanakan kepada projek inovasi yang layak dan telah melepasi Penilaian 2. Kaedah pelaksanaan bagi Penilaian 3 adalah seperti berikut:




- i. Peserta akan dijemput untuk mempamerkan produk inovasi serta membuat pembentangan/ demonstrasi produk secara fizikal kepada Panel Penilai yang bertauliah dan berpengalaman terdiri daripada agensi teknikal, wakil industri, badan bukan kerajaan (NGO), profesional bebas dan wakil Kerajaan Negeri Selangor. Setiap peserta akan diberikan masa selama **10 minit** untuk melaksanakan sesi persembahan/ demonstrasi produk.
 - ii. Peserta perlu bersedia menjawab semua pertanyaan dan soalan yang dikemukakan dan memberikan sebarang maklum balas yang diperlukan.
 - iii. Sekiranya terdapat keperluan validasi bagi produk yang dihasilkan oleh jabatan kerajaan dan swasta, satu sesi lawatan tapak akan dilaksanakan (bergantung kepada keperluan dan keputusan panel penilai).
- x. Penyertaan bagi peserta yang tidak dapat memberikan komitmen dan hadir semasa tarikh penilaian adalah dianggap terbatal secara automatik. Namun begitu, sekiranya terdapat halangan atau sebab yang munasabah untuk dipertimbangkan ianya perlulah dimaklumkan kepada penyelaras di peringkat PBT atau secara terus kepada pihak Urus Setia di Bahagian Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- xi. Keputusan Panel Penilai/ Juri adalah **muktamad** dan sebarang bantahan adalah tidak dibenarkan.

2.8 KRITERIA PENILAIAN

Penilaian dan pemarkahan AINS akan mengambil kira komponen seperti berikut:

BIL	KRITERIA PEMARKAHAN	MARKAH (%)
1.	Pembentangan & Dokumentasi	10
2.	Tahap Inovasi & Kreativiti	20
3.	Keberkesanan	25
4.	Faedah / Impak	30
5.	Kebolehlaksanaan & Replikasi	15
	MARKAH KESELURUHAN	100

Markah keseluruhan ditentukan dengan menjumlahkan markah semua komponen mengikut wajaran yang ditetapkan. Taraf pencapaian bagi projek secara keseluruhan ditafsirkan melalui pencapaian bintang seperti berikut :-

ANUGERAH	MARKAH (%)
	90 – 100
	70 – 89
	50 – 69

2.9 BENTUK ANUGERAH/ PENGHARGAAN

Hadiah dan ganjaran akan diberikan kepada penyertaan yang mendapat 3 markah tertinggi bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Hadiah dan ganjaran bagi semua kategori adalah seperti berikut :-

BIL.	KEDUDUKAN	HADIAH
1.	Johan	RM5,000.00, Piala & Sijil Penghargaan
2.	Naib Johan	RM3,000.00 & Sijil Penghargaan
3.	Tempat Ketiga	RM2,000.00 & Sijil Penghargaan
4.	Saguhati	Sijil Penghargaan (kepada peserta yang melepasi Penilaian 1 sahaja)

Selain itu, hadiah dan ganjaran bagi Anugerah Khas projek akhir terbaik adalah seperti berikut:

BIL.	KEDUDUKAN	HADIAH
1.	Anugerah Khas Inovasi Digital Terbaik	RM2,000.00, Piala & Sijil Penghargaan
2.	Anugerah Khas Inovasi Produk Terbaik.	RM2,000.00, Piala & Sijil Penghargaan
3.	Anugerah Khas Potensi Replikasi Terbaik.	RM2,000.00, Piala & Sijil Penghargaan

2.10 TATA CARA PERMOHONAN

Setiap permohonan mestilah mematuhi tata cara permohonan seperti berikut:

- i. Semua penyertaan perlu menggunakan **borang penyertaan yang perlu diisi secara dalam talian di Hab metaSEL (<https://inovasi.selangor.gov.my>)** dengan disertakan laporan ringkas projek inovasi dan video penerangan/persembahan. Borang penyertaan, format laporan dan kriteria video penerangan/persembahan adalah seperti di **LAMPIRAN A, LAMPIRAN B dan LAMPIRAN C.**
- ii. Hanya **pautan (*link*)** bagi dokumen dan video penerangan/persembahan projek inovasi sahaja perlu dimuat naik di dalam Hab metaSEL.
- iii. Setiap penyertaan hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **15 Julai 2026 (Rabu)** melalui Hab metaSEL (<https://inovasi.selangor.gov.my>)
- iv. Penyertaan mestilah mempunyai perkara-perkara berikut :-
 - a. Borang Penyertaan (contoh maklumat diperlukan seperti Lampiran A). **Borang hendaklah diisi secara dalam talian di Hab metaSEL.**
 - b. Dokumen/ Buku Laporan Produk/ Hasil Inovasi (Lampiran B). **Pautan (*link*) dokumen di muat naik di Borang Penyertaan.**
 - c. Video Penerangan/ Persembahan Produk/ Hasil Inovasi (Lampiran C). **Pautan (*link*) video di muat naik di Borang Penyertaan.**



- v. Pihak Urus Setia berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak mematuhi syarat-syarat penyertaan dan pertandingan.
- vi. Pihak Urus Setia berhak mengubah kategori penyertaan mengikut kelayakan dan kesesuaian peserta. Peserta akan dimaklumkan mengenai perubahan kategori berkenaan.
- vii. Sebarang pertanyaan mengenai Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2026 boleh menghubungi pihak Urus Setia seperti berikut :-

Seksyen Pembudayaan Inovasi
Bahagian Korporat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Tingkat Bawah, Bangunan SSAAS
40503 Shah Alam.

No. Telefon : 03-55447053

E-mel : inovasi@selangor.gov.my




BORANG MANUAL PENGISIAN BORANG PENYERTAAN AINS 2026

KAEDAH PENGISIAN BORANG PENYERTAAN DI HAB METASEL



Langkah 1: Log Masuk ke Sistem

Pengguna hendaklah menekan butang “**LOG MASUK**” di penjuru kanan atas halaman utama HAB metaSEL bagi mengakses sistem. Pengguna yang belum mempunyai akaun perlu melengkapkan proses pendaftaran sebelum log masuk dan meneruskan penyertaan.




Langkah 2: Pendaftaran Pengguna Baharu

Bagi pengguna baharu, Tekan butang “**Daftar Sekarang**”. Pada halaman pendaftaran, isi maklumat pendaftaran pengguna baharu iaitu Nama Penuh, E-mel, Jabatan/Agensi dan Kata Laluan. Setelah selesai, klik “Daftar” untuk mencipta akaun HAB metaSEL.




Langkah 3: Log Masuk ke Sistem

Bagi pengguna yang telah mempunyai akaun, masukkan E-mel dan Kata Laluan yang telah didaftarkan pada ruangan yang disediakan. Setelah itu, klik butang “**Log Masuk**” untuk mengakses sistem HAB metaSEL. Jika pengguna terlupa kata laluan, klik pautan “**Lupa Kata Laluan?**” untuk menetapkan semula kata laluan.




Langkah 4: Log Masuk ke Sistem

Pengguna perlu memilih menu “**Mohon Penyertaan AINS**” pada panel navigasi di sebelah kiri untuk melihat sesi pertandingan AINS yang sedang dibuka. Pengguna boleh klik “**Dokumen Panduan (PDF)**” (anak panah hijau) untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pertandingan AINS atau klik “**Mohon Sekarang**” (anak panah biru) untuk memulakan pendaftaran penyertaan.



Langkah 5: Lengkapi dan Hantar Borang Penyertaan

Lengkapi semua maklumat yang diperlukan dalam borang penyertaan. Pastikan maklumat yang diberikan adalah tepat dan lengkap, kemudian tandakan kotak pengesahan dan klik **“Hantar Permohonan”** untuk menghantar penyertaan.



The screenshot displays the 'Hab Inovasi' portal interface. The left sidebar contains navigation menus for 'MAIN', 'PROFIL PERIBADI', 'PENTADBIR', 'PENGURUSAN AGENSI', and 'PENTADBIR AGENSI DATA INOVASI'. The main content area is titled 'Borang Penyertaan' and includes the following sections:

- Pautan Laporan Ringkas ***: A text input field containing a Google Drive link (<https://drive.google.com/...>) with a note: 'Pastikan pautan adalah *unlisted* / boleh dibuka.'
- Pautan Video Penerangan ***: A text input field containing a YouTube link (<https://youtu.be/...>) with a note: 'Pastikan pautan adalah *unlisted* / boleh ditonton.'
- D. Muat Naik Fail (Pilihan)**: A section for uploading files, including a sub-section for 'Fail Laporan (PDF/Word, maks 10MB) (Pilihan)'. It features a 'Choose Files' button and a 'No file chosen' message. A note below states: 'Fail melebihi 10MB? Muat naik ke *Google Drive* dan tampilkan pautan di atas.'
- Pengesahan**: A text area with the statement: 'Saya mengesahkan bahawa penyertaan ini telah mendapat pengesahan Ketua Jabatan/Agensi/Majikan/Dekan/Pengetua dan semua maklumat adalah benar.'
- Buttons**: At the bottom, there are three buttons: 'Simpan Draf', 'Hantar Permohonan' (highlighted in blue), and 'Batal'.



**BORANG PENYERTAAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR
TAHUN 2026**

KATEGORI AINS 2026

<input type="checkbox"/>	Sektor Awam	<input type="checkbox"/>	Sektor Swasta	<input type="checkbox"/>	IPT	<input type="checkbox"/>	Sekolah	<input type="checkbox"/>	Akar Umbi
--------------------------	----------------	--------------------------	------------------	--------------------------	-----	--------------------------	---------	--------------------------	--------------

MAKLUMAT PERIBADI / KUMPULAN / JABATAN

Nama Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah

.....

PAUTAN/LINK DOKUMEN LAPORAN RINGKAS PROJEK INOVASI

.....
* Sila pastikan pautan/link tersebut *unlisted* (boleh ditonton/dibuka).

PAUTAN/LINK VIDEO PENERANGAN / PERSEMBAHAN PROJEK INOVASI

.....
* Sila pastikan pautan/link tersebut *unlisted* (boleh ditonton/dibuka).

MAKLUMAT KUMPULAN

* Untuk penyertaan berkumpulan sahaja

Nama Kumpulan :

Nama Ahli : 1.

2.

3.

4.

5.

6.

7.

8.

9.

10.

Alamat Individu / Jabatan & Agensi / Syarikat / IPT / Sekolah:

.....
.....
.....
.....

No. Perhubungan :

No. Tel (HP) :

No. Tel (P) :

E-mel :

Nota:

- ❖ Borang ini hanya sebagai panduan sahaja. Setiap peserta perlu melengkapkan Borang Penyertaan AINS 2026 secara dalam talian di Hab metaSEL (<https://inovasi.selangor.gov.my/login>)
- ❖ Sila pastikan ejaan nama ahli kumpulan adalah jelas, betul dan tepat bagi penyediaan sijil penyertaan.
- ❖ Maksimum sepuluh (10) orang ahli sahaja bagi setiap kumpulan.
- ❖ Sijil penyertaan hanya diberikan kepada projek inovasi yang melepasi tahap Penilaian 1.
- ❖ Setiap penyertaan perlu mendapat kebenaran Ketua Jabatan/ Agensi/ Majikan/ Dekan/ Pengetua/ Guru Besar dsbnya. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan, penyertaan kumpulan boleh dibatalkan.

FORMAT LAPORAN (KERTAS KERJA)
ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2026

Tajuk Inovasi :

Nama Kumpulan Inovasi :

Nama Jabatan / Agensi / Institusi / Individu :

A. Pengenalan

- Latar belakang ringkas isu berkaitan masalah sampah

B. Analisis Punca

- Penerangan dan analisa mengenai punca bagi masalah tersebut (*root course*)
- Penjelasan mengenai kesan kepada masalah tersebut

C. Penyelesaian (Penerangan Hasil Inovasi)

- Ringkasan produk inovasi
- Tarikh inovasi dihasilkan
- Tujuan projek Inovasi dibuat

D. Pelaksanaan

- Proses pelaksanaan inovasi (nyatakan jika dibuat in-house atau out-source)
- Proses sebelum dan selepas
- Elemen penurunan kuasa (jika ada)
- Kumpulan sasar dan skop liputan
- Pengiktirafan diterima
- Gambar – gambar berkaitan pelaksanaan projek inovasi

E. Impak dan Data

- Impak inovasi terhadap kumpulan sasar
 - Elemen Inovatif / Kreatif
- Penciptaan nilai/ elemen baru/ tambah baik
- Elemen mempermudah/ penyelesaian masalah

- Elemen keberkesanan
- Gambar faedah yang nyata diperolehi
- Peningkatan produktiviti/ kepuasan
- Penjanaan pendapat (sekiranya berkaitan)
 - Elemen Signifikan
- Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan
- Penjimatan masa/ kos/ sumber manusia
- Sejauh mana ianya memenuhi objektif inisiatif ini diambil
 - Elemen Relevan
- Sumbangan projek inovasi kepada organisasi/ komuniti/ negeri/ nasional

F. Kos

- Kos pelaksanaan projek inovasi
- Perbandingan kos/ hasil sebelum dan selepas projek inovasi dilaksanakan

G. Potensi Replikasi

- Pembuktian inovasi boleh dilaksanakan oleh semua pihak berkepentingan
- Potensi projek direplikasi oleh pihak lain (organisasi/ komuniti/ negeri/ nasional)
- Mampu disesuaikan dan diseragamkan di pelbagai keadaan

Penutup

Nota:

- * Dokumen ini hendaklah **tidak melebihi 20 muka surat**.
- * Pautan (*link*) bagi Buku Laporan/ Dokumentasi projek perlu **dimuat naik ke Hab metaSEL** (<https://inovasi.selangor.gov.my>)

**KRITERIA VIDEO PENERANGAN/ PERSEMBAHAN
ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) TAHUN 2026**

Bagi penyertaan AINS Tahun 2026 peserta **wajib** menyediakan dan memuat naik **video penerangan/ persembahan/ demonstrasi produk** di mana-mana medium (sebagai contoh YouTube, Google Drive dll) dan mengemukakan pautan//*link* (unlisted) video tersebut **di Hab metaSEL (<https://inovasi.selangor.gov.my>)**. Kriteria video penerangan/persembahan adalah seperti berikut :

- a) Video hendaklah ringkas, padat dan tepat.
- b) Isu dan masalah dinyatakan dengan jelas.
- c) Penerangan inovasi yang menjelaskan ciri-ciri, fungsi dan lain-lain yang berkaitan dengan projek inovasi.
- d) Durasi video persembahan **tidak melebihi 5 minit**.
- e) Video yang dihasilkan tidak mengandungi unsur yang dianggap sensitif merangkumi penggunaan logo, gambar atau perkataan yang tidak sopan dan menyentuh sensitiviti kaum, budaya dan agama.
- f) Latar belakang suara atau penceritaan projek diperlukan bagi memudahkan panel membuat penilaian.